



Ruj Kami : JPA(SARAAN)(S)1619 Klt.14(75)

Tarikh : / Jun 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y. Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan,

**PELEPASAN WAKTU BEKERJA KEPADA PEGAWAI
PERKHIDMATAN AWAM YANG MENDERMA DARAH**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian Y. Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana Y. Bhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Tuan sedia maklum, kempen derma darah giat dijalankan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa dalam usaha memupuk kesedaran di kalangan masyarakat untuk menderma darah. Selaras dengan hasrat tersebut, Kerajaan telah bersetuju untuk memberi kemudahan pelepasan waktu bekerja kepada pegawai Perkhidmatan Awam untuk melibatkan diri dalam aktiviti menderma darah.


3. Dalam melaksanakan kemudahan ini, Ketua Jabatan bolehlah memberi pelepasan waktu bekerja dalam jangkamasa yang munasabah kepada pegawai untuk menderma darah. Ketua Jabatan perlulah memastikan penyampaian perkhidmatan

tidak terjejas ekoran daripada pelepasan waktu bekerja yang diberi kepada pegawai.

4. Peraturan ini adalah berkuatkuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRHSMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan